

09/01/1999

Kempen berjaya kurangkan kematian

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kempen Keselamatan Penunggang Motosikal 1997-1999 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya mengurangkan kematian penunggang dan pembonceng kira-kira 10 peratus.

Kajian Pusat Kajian Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), bermula dari tarikh pelancaran kempen iaitu September 1997 hingga sekarang, mendapati jumlah penunggang dan pembonceng yang terbunuh berkurangan 237 orang.

Ini bermakna, kempen itu berjaya menyelamatkan sekurang-kurangnya RM180 juta dalam tempoh kajian. Mengikut Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Asia Pasifik (Escap), kerajaan akan kerugian kira-kira RM763,000 bagi setiap kematian akibat kecelakaan, cedera parah (RM76,300) dan cedera ringan (RM7,600).

Ketua Unit Kajian Kemalangan Jalan Raya Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Radin Umar Radin Sohardi, berkata kematian di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal adalah terbesar iaitu kira-kira 60 peratus daripada kes kematian akibat kecelakaan jalan raya setiap tahun.

Sebelum kempen dilaksanakan, purata kematian penunggang dan pembonceng motosikal sebulan ialah 314 orang.

Beliau yang mengetuai kajian itu berkata, bagaimanapun sejak kempen bersepadu dijalankan, purata bilangan kematian penunggang dan pembonceng sebulan sekitar 300 orang, sekali gus membuktikan keberkesanannya.

Antara agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang terbabit dalam kempen bersepadu ialah polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bomba, Kementerian Kesihatan dan Persatuan Bulan Sabit Merah.

"Pengurangan kes kematian adalah sesuatu yang amat menggalakkan dalam usaha mencapai wawasan sifar kematian dalam setiap kes kecelakaan. Justeru, kempen bersepadu itu wajar diteruskan lagi," katanya kepada Berita Harian.

Kempen tiga tahun itu membabitkan pelbagai program bersepadu seperti Ops Statik, kempen memakai tali keledar dengan betul dan penyediaan lorong motosikal.

Pihak berkenaan bergabung mengadakan kempen keselamatan, penguatkuasaan undang-undang serta sistem pengurusan trauma yang lebih cekap bagi mangsa-mangsa kecelakaan.

Prof Radin Umar berkata, kegawatan ekonomi tidak menghalang untuk kerajaan terus mengurangkan bilangan kematian akibat kecelakaan jalan raya jika pendekatan yang dilaksanakan berkesan.

"Jika program dilaksanakan dengan cara yang betul, kita akan mendapat hasil yang baik," katanya sambil menegaskan kempen itu bukannya dilakukan secara membuta tuli.

Menurutnya, penunggang dan pembonceng motosikal menjadi sasaran utama dalam kempen kerana mereka adalah kumpulan yang berisiko tinggi apabila berlaku kecelakaan jalan raya.

(END)